

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
(RAUB)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.10.2014**

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. adakah pihak kementerian akan '*renegotiate employment contract*' dengan '*top executives*' MAS ; dan
- b. adakah pihak Kementerian melalui MAS akan "*renegotiate contract catering*" dengan syarikat yang berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) adalah anak syarikat Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) hanya memiliki satu saham khas dimana kuasa pemegang saham khas adalah terhad kepada pelantikan wakil MKD dalam Lembaga Pengarah MAS dan lain-lain perkara seperitimana termaktub di dalam Tatacara dan Tataurusan syarikat. Perkara berkaitan tadbir urus dan operasi syarikat seperti pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif adalah di bawah bidang kuasa Khazanah manakala pelantikan pegawai kanan MAS adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah MAS.

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS dan kini telah memasuki peringkat kedua pelaksanaannya. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja termasuklah mengkaji dan merundingkan semula kontrak

bekalan dan memperkuuhkan barisan kepimpinan. Tempoh peralihan daripada syarikat lama ke syarikat baru dalam tempoh 10 bulan akan datang, sehingga 1 Julai 2015 akan menyaksikan perubahan besar kepada barisan kepimpinan yang akan dilaksanakan dengan teratur. Strategi ini akan melibatkan pengambilan masuk pakar penerbangan dari seluruh dunia serta memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak MAS juga sedang mengkaji semula semua kontrak bekalan termasuk syarikat yang berkenaan. MAS baru akan menghormati semua kontrak yang mengikut penanda aras yang betul di syarikat lama. Penghijrahan kepada syarikat baru bagaimanapun akan memberi peluang kepada MAS baru untuk menetapkan semula dan memperbaiki kontrak bekalan dan kontrak-kontrak lain berdasarkan norma-norma dan penanda aras pasaran.